

Seramai 209 ahli
Parlimen menyokong,
manakala 11 lagi
tidak hadir

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
& **MOHAMMAD KHAIRIL**
ASHRAF MOHD KHALID
KUALA LUMPUR

Dewan Rakyat lulus RUU larangan tukar parti



menjadi ahli Dewan Rakyat dan
perlu mengosongkan kerusi.

“Ini kerana keanggotaan se-
seorang ahli Dewan Rakyat me-
rujuk kepada keanggotaan da-
lam sesebuah parti politik, tidak
kira sama ada parti politik itu
merupakan anggota sesebuah
parti gabungan atau tidak,” kata-
nya.

Bagaimanapun beliau men-
jelaskan, ahli Parlimen yang di-
buang parti tidak akan hilang
kerusi yang disandangnya.

Pada Rabu, Perdana Menteri,
Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob
membentangkan RUU yang di-
gubal berasaskan lapan para-
meter utama di Dewan Rakyat.

Sejak berakhirnya Pilihan
Raya Umum ke-14 (PRU14) lalu,
seramai 40 ahli Parlimen telah
lompat parti sehingga men-
cetuskan ketidakstabilan politik
negara.



Ismail Sabri (kanan) menunjukkan isyarat bagus selepas Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) (No 3) 2022 berkaitan larangan ahli Parlimen bertukar parti, diluluskan di Dewan Rakyat pada Khamis.

Rang Undang-Undang
(RUU) Perlembagaan
(Pindaan) (No 3) 2022
berkaitan larangan ahli
Parlimen bertukar parti, dilulus-
kan selepas bacaan kali ketiga
dengan sokongan majoriti me-
lebihi dua pertiga, pada Khamis.
Undi belah bahagian yang
dimulakan pada jam 4.45 petang
itu menyaksikan seramai 209
bersetuju, manakala 11 lagi tidak
hadir.

Keputusan itu diumumkan
Yang Dipertua Dewan Rakyat,
Tan Sri Azhar Azizan Harun se-
lepas selesai kiraan dibuat pada
jam 5.12 petang.

RUU paling dinanti-nanti itu
diluluskan selepas dibahas se-
lama dua hari oleh 54 ahli
Parlimen mewakili pelbagai parti
politik daripada pihak kerajaan
dan blok pembangkang.

Menteri di Jabatan Perdana

Menteri (Parlimen dan
Undang-Undang), Datuk Seri Dr
Wan Junaidi ketika menggulung
perbahasan sebelum itu berkata,

Jawatankuasa Pilihan Khas me-
mutuskan bahawa Ahli Dewan
Rakyat yang keluar dari suatu
parti politik dalam suatu gabung-

an dan menyertai parti politik lain
dalam parti gabungan yang
sama atau berbeza, maka ahli
Dewan Rakyat tersebut terhenti